

# JHEAINS, UMS buka Fakulti Pengajian Islam

UM 28.2.2015 31

**KOTA KINABALU 27 Feb.** - Kerajaan negeri menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan bekerjasama memperkenalkan atau membuka Fakulti Pengajian Islam di universiti berkenaan.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Mohd. Ariffin Mohd. Arif berkata, untuk itu UMS kini dilaporkan sedang meneliti dan membuat kajian terhadap cadangan tersebut.

"Kita (kerajaan negeri) sendiri mencadangkan agar UMS membuka Fakulti Pengajian Islam semasa sesi perbahasan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-

baru ini.

"Kita berharap UMS akan berusaha ke arah itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara JHEAINS dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di sini semalam.

Dalam majlis itu, JHEAINS diwakili Pengaruhnya, Abd. Halim Nayan manakala Pengarah Darul Quran, Zawanah Muhammad mewakili pihak Jakim.

MoU tersebut bagi menyambung pelaksanaan kerjasama program Diploma Tahfiz al-Quran antara Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat Negeri

Sabah.

Mohd. Ariffin memberitahu, dengan adanya penawaran pengajian Islam melalui fakulti tersebut di UMS, pelajar tempatan tidak perlu melanjutkan pengajian ke tempat lain sekali gus dapat menjimatkan kos.

Dalam pada itu, Zawanah yang ditemui berkata, kerjasama antara JHEAINS dan Jakim itu telah dimeterai sejak 1999.

"Melalui MoU ini, JHEAINS perlu menyediakan kemudahan pengajian seperti pentadbiran, kemudahan dan infrastruktur yang baik manakala Jakim membantu sepenuhnya dalam bidang akademik," ujarnya.